Selepas pelanggan bersetuju dengan arah tuju reka bentuk, pereka akan menambah baik reka bentuk yang dicadangkan. Lazimnya, perubahan atau penambahbaikan adalah berdasarkan permintaan pelanggan, kaji selidik, sumber asli, dan memperkemas elemen estetika.


Pereka mempersembahkan perubahan atau penambahbaikan untuk perbincangan, input, dan kelulusan pelanggan.

Ujian reka bentuk mungkin berlaku dan menyebabkan perlunya pembaikan yang seterusnya. Ujian meliputi pengesahan standard dan ujian penggunaan. Pereka membentangkan pembaikan tambahan kepada pelanggan untuk persetujuan.

Pereka mengadakan perbincangan prapengeluaran dengan pakar daripada profesion lain seperti pembuat model, pengeluar, jurutera, pengatur cara, dan lain-lain.

Reka bentuk akhir dipersetujui.

2.5.8 Mencadangkan Penambahbaikan Reka Bentuk Sistem Akuaponik yang Lebih Efisien



MARI LAKUKAN

1. Bentukkan kumpulan yang terdiri daripada empat orang murid.
2. Bina satu projek reka bentuk sistem akuaponik yang menarik dan berfungsi.
3. Kemudian, sediakan satu laporan lengkap dalam bentuk folio dengan merujuk kepada contoh laporan yang telah diberi.
4. Persembahkan kepada guru untuk dinilai.

CABAR MINDA

1. Mengapakah perubahan atau penambahbaikan perlu dipersembahkan kepada pelanggan?
2. Senaraikan golongan pakar yang perlu terlibat dalam perbincangan prapengeluaran.

LIVEWORKSHEETS